

BERITA COVID-19 1 tertinggi - Dr Noor Hisham | Inisiatif NGO lakukan semburan kabus dan disinfeksi perangi COVID | KSN jalani ku

**UNLOCK A WORLD
OF FINANCIAL LEARNING**



BURSA ACADEMY
EMPOWERING YOU

Kerajaan cadang jadikan MYHackathon sebagai acara berulang - Khairy



Khairy Jamaluddin Abu Bakar

26/01/2021 05:12 PM

KUALA LUMPUR, 26 Jan -- Kerajaan bercadang menjadikan MYHackathon, sebuah program mencari penyelesaian permasalahan perkhidmatan secara digital antara pesertanya, bagi membantu meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam utama kepada rakyat, sebagai acara berulang.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin berkata program yang dilancarkan pada Oktober lepas, bertujuan untuk mengenal pasti kelemahan di dalam perkhidmatan kerajaan dan mencari jalan penyelesaiannya dari perspektif orang ramai.

"Ketika mula memperkenalkan program ini, kita berbincang secara mendalam...kalau itu (masalah) umum, kita tidak dapat kenal pasti mana kelemahannya.



"Setelah kita selidiki...inovasi perlu (digunakan) untuk menyelesaikan masalah dan kita perlu mengenal pasti punca masalah tersebut terlebih dahulu," katanya semasa acara Finale & Showcase MYHackathon 2020 yang disiarkan secara dalam talian, hari ini.

Sebanyak 36 penyelesaian digital dan pemenang dipilih untuk program sulung ini yang akan digilap untuk memimpin proses pendigitan perkhidmatan awam.

Khairy berkata pandemik COVID-19 yang melanda dunia lebih setahun lalu telah menjejaskan pelbagai sektor dan industri negara dan ini sekali gus mendorong kerajaan mengambil pendekatan secara inklusif dan menyeluruh dalam usaha menjamin kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat.



"Pihak kementerian melihat bahawa pendekatan yang paling relevan dan berkesan untuk memastikan perkara ini dapat dicapai adalah melalui penggunaan teknologi dan penerapan digitalisasi dalam perkhidmatan awam.

"Persoalannya, bagaimana kita dapat mengumpul sebanyak mungkin idea-idea yang bernas dengan kadar segera? Kita memerlukan kesemua bakat ‘talent and brain bank’ (buah fikiran orang cerdik pandai) kerana tiada siapa yang lebih memahami permasalahan rakyat, lebih daripada rakyat sendiri," katanya.

Katanya, melalui MYHackathon 2020 kerajaan dapat menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan usahawan dalam bidang teknologi negara, terutamanya dalam kalangan belia, seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada teknologi luar dan buruh asing.

Ia juga selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 dan Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE) yang bertujuan memperhebatkan usaha pembangunan dan penggunaan teknologi tempatan dalam usaha mentransformasikan negara daripada pengguna teknologi kepada pembangunan teknologi.

– BERNAMA

Berita Berkaitan



COVID-19: Singapura catat tiga kes positif bagi strain B117



Hospital Melaka masih mampu beroperasi walaupun 32 kakitangan positif COVID-19

MAB sasar dana RM400,000 bantu Oku penglihatan terjejas PKP



Lagi Berita



Masa Tepat Kerajaan-Hospital Swasta Berganding Bahu Tangani Pandemik COVID-19



Mendaki Bukit Bendera Pakai Jeans Dan Sandal



MPC gesa industri terapkan amalan ekonomi kitaran

BERNAMA

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

+603-2693 9933 (Talian Am)
helpdesk[at]bernama.com



Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Sukan
- Politik
- Rencana
- Dunia
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media
- Eksklusif
- Arkib

Laman Mikro

- Pelan Jana Semula
Ekonomi Negara
(PENJANA)
- Kesihatan
- Tenaga
- Tinta Minda
- Nam News Network
(NNN)
- Webinar

Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan
Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender